

19 Jun 2026

**SIARAN MEDIA**  
Untuk Siaran Segera



## **GEMPA BUMI FILIPINA: IR MALAYSIA LANCAR RAYUAN DANA, SASAR RM50,000**

Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) melancarkan Kempen Rayuan Gempa Bumi Filipina pada 10 Jun lalu bagi mengumpul dana sebanyak RM50,000 untuk membantu mangsa gempa bumi kuat bermagnitud 7.8 yang melanda wilayah Mindanao, Filipina.

Gempa bumi yang berlaku pada 8 Jun di luar pantai Maasim, Sarangani itu telah mengorbankan sekurang-kurangnya 68 nyawa setakat 17 Jun, manakala 33 lagi dilaporkan masih hilang.

Pihak berkuasa turut mengesahkan lebih 6,600 gegaran susulan direkodkan, dengan kekuatan antara magnitud 1.2 hingga 6.4.

Bencana itu memberi kesan besar kepada lebih 1.4 juta penduduk yang melibatkan 340,330 keluarga di 540 kampung di beberapa wilayah termasuk Region IX, XI, XII dan BARMM.

Sarangani dikenal pasti sebagai antara kawasan paling terjejas dengan puluhan ribu keluarga masih berdepan kehilangan tempat tinggal serta kerosakan kediaman dan infrastruktur awam.

Menurut laporan terkini dari lapangan, sebanyak 74,084 rumah rosak termasuk 13,661 rumah musnah sepenuhnya, selain kerosakan kepada sekolah, hospital, jalan raya, jambatan dan premis awam.

Lebih 3.2 juta pelajar turut terjejas susulan penutupan sekolah dan kerosakan kemudahan pendidikan.

Operasi mencari dan menyelamatkan masih diteruskan, manakala angka korban dijangka meningkat seiring dengan usaha penilaian di lapangan.

Islamic Relief Philippines (IR Philippines) pada masa ini sedang bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa tempatan termasuk Pejabat Pertahanan Awam (OCD), Pejabat Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana (DRRMOs) serta rakan kemanusiaan bagi menyelaraskan bantuan kecemasan berdasarkan penilaian keperluan pantas.

Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Islamic Relief Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)

Penduduk terjejas, Gina, 28, yang merupakan ibu kepada enam anak, berkata beliau hanya sempat menyelamatkan dua anak kecilnya sebelum rumah mereka runtuh.

“Kami berada dalam rumah semasa kejadian. Kami kehilangan segalanya dalam sekelip mata, tetapi saya bersyukur kerana anak-anak saya selamat,” katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara.

Seorang lagi penduduk, Jainoden, berkata beliau terpaksa meninggalkan rumah yang dibina hasil usaha bertahun-tahun demi keselamatan keluarganya.

“Rumah ini saya bina buat isteri dan lima anak saya. Namun, saya tidak sanggup tinggal di rumah ini lagi walaupun ia hasil titik peluh saya. Keselamatan keluarga lebih penting,” katanya.

Pengurus Program dan Kemanusiaan IR Philippines, Ronald Cabalquinto memaklumkan bahawa bantuan tunai kecemasan menjadi keperluan paling mendesak ketika ini bagi membolehkan mereka yang terjejas membeli barangan asas mengikut keutamaan masing-masing termasuk makanan, ubat-ubatan dan keperluan harian.

“Keutamaan kami adalah memastikan bantuan sampai kepada keluarga paling teruk terkesan secepat mungkin. Bantuan tunai memberi fleksibiliti kepada mereka untuk menentukan keperluan paling mendesak,” katanya.

Selain bantuan kecemasan, Islamic Relief turut memberi fokus kepada keperluan tempat tinggal, air bersih, sanitasi, barangan keperluan serta sokongan psikososial kepada penduduk terjejas.

Orang ramai boleh menyalurkan sumbangan melalui Kempen Rayuan Gempa Bumi Filipina IR Malaysia di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi 03-8926 3434 untuk info lanjut.

**-TAMAT-**

## **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 sebagai tindak balas terhadap isu kebuluran di Afrika Timur. Ibu pejabat Islamic Relief terletak di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief beroperasi di lebih 40 buah negara dan telah membantu ratusan juta orang. Kini, Islamic Relief Worldwide merupakan antara salah satu badan amal dan pembangunan terbesar di dunia.

Dikeluarkan oleh: Komunikasi Strategik, Islamic Relief Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Sis Zafirah di 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)

## **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia ditubuhkan pada 2004, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di Rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau menghubungi talian +603-8926 3434.